

**Agong beri perkenan penubuhan suruhanjaya siasatan
Utusan Online
11 Ogos, 2012
Oleh TARMIZI ABDUL RAHIM**

KOTA KINABALU 11 Ogos - Yang di-Pertuan Agong telah memberi perkenan terhadap cadangan kerajaan menubuhkan suruhanjaya siasatan di bawah Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 bagi menyiasat kehadiran pendatang asing di Sabah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, ia akan dipengerusikan oleh bekas Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, Tan Sri Steve Shim Lip Kiong dengan dibantu oleh empat pesuruhjaya lain dan dikehendaki menyelesaikan siasatannya dalam tempoh enam bulan. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120811/dn_16/Agong-beri-perkenan-penubuhan-suruhanjaya-siasatan